

# PM dedah penipuan besar dalam pasaran timah London

**KUALA LUMPUR 18 Sept.** — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan tentang penipuan besar dalam pasaran timah London oleh sekumpulan ahli Bursa Logam London (LME) yang telah memaksa kerajaan memasuki pasaran untuk menyelamatkan perniagaan timah.

Perdana Menteri memberitahu, tindakan kerajaan membeli timah yang banyak dalam pasaran itu telah mematahkan kegiatan broker-broker itu tetapi LME pula mengubah peraturan-peraturan urusan pada saat-saat terakhir untuk mempertahankan kumpulan penipuan itu.

Akibat penipuan LME itu, kerajaan telah mengalami kerugian dalam operasi 1980 itu, jelasnya semasa berucap merasmikan Perhimpunan Agung UMNO di sini pagi ini.

Bagi menggantikan kerugian yang dialami itu, ke-

rajaan telah bertindak menjual kembali timah yang dibeli itu serta melalui perniagaan tertentu yang akan dibuat oleh sebuah syarikat dimiliki 100 peratus oleh kerajaan bernama Makuwasa, katanya.

Mengingatkan kembali peristiwa enam tahun lalu itu, Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu, pada ketika itu, sekumpulan ahli LME telah sengaja menekan turun harga timah dengan menjual timah 'serahan hadapan', dengan harga yang lebih murah daripada harga pasaran ketika itu.

"Mereka ini tidak memiliki satu paun pun timah. Harapan mereka ialah agar tindakan mereka itu akan mengurangkan pembelian semasa yang akan menurunkan harga timah."

"Apabila harga timah turun, mereka akan membeli timah untuk membekal (barangan itu) kepada pelanggan mereka apabila gelap tempoh yang dijanji-

**LIHAT MUKA 20**

## PM dedah penipuan besar dalam pasaran timah London

kan (untuk serahan)," jelas beliau.

Kerajaan Malaysia terpaksa bertindak untuk menstabilkan harga dan melalui broker yang berdaftar dengan LME, telah membeli timah yang dijual secara serahan hadapan itu oleh ahli-ahli LME untuk mempertahankan harga tinggi dalam pasaran, katanya.

Melalui cara itu, apabila genap masanya untuk timah dibekalkan kepada pembeli, pilihan yang boleh dibuat oleh ahli-ahli LME yang berjudi dengan pasaran timah itu, kata Datuk Sri Dr. Mahathir, ialah membeli timah dengan harga mahal dari Malaysia untuk membolehkan mereka menghantar bekalan timah yang dijanjikan itu, atau mereka terpaksa mungkir janji dan menerima tindakan kerana melanggar kontrak perjanjian.

"Tetapi LME telah menipu dengan menukar peraturan-peraturan jual beli apabila sampai masanya bagi ahli-ahli mereka menunai janji."

"Mereka berkata bahawa janji itu tidak perlu ditunaikan. Dengan itu, teramatlah ahli-ahli mereka dan harga timah pula turun dengan mendadak," kata beliau.

Bagi menggantikan kerugian yang dialami oleh kerajaan akibat penipuan LME itu, kerajaan telah menjual timah yang dipunyainya serta menubuhkan Makuwasa, sebuah syarikat milik 100 peratus kerajaan yang terlibat dalam kegiatan saham melalui kerjasama dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Kegiatan Makuwasa ini

telah menimbulkan kontroversi apabila Parti DAP mendakwa bahawa saham-saham dalam beberapa syarikat awam yang diperuntukkan kepada KWSP telah dipindahkan kepada Makuwasa dengan harga di bawah paras harga pasaran, sehingga merugikan KWSP.

Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan, sebenarnya saham KWSP yang dipindahkan kepada Makuwasa itu bukanlah hak KWSP kerana saham itu ialah saham yang dikhaskan untuk bumiputera yang harganya memang rendah daripada harga pasaran.

"KWSP tidak pernah di-

beri saham untuk bumiputera kerana ia bukan badan bumiputera yang diiktiraf. Walau bagaimanapun, agihan kepada KWSP ini dibuat semata-mata untuk dipindahkan kepada Makuwasa yang mana keuntungannya akan didapati oleh kerajaan.

"Adakah sesiapa dari kerajaan mendapat untung daripada operasi ini? Tentulah jelas bahawa tidak sesiapa yang mendapat apa-apa untuk diri sendiri."

"Apa yang dibuat oleh kerajaan adalah bertujuan menyelamatkan perniagaan timah. Ramai daripada pelombong yang sepatutnya

sudah bankrap lebih awal lagi telah terselamat kerana operasi kerajaan ini," katanya lagi.

Di samping itu, kerajaan pula dapat mengutip hasil yang lebih tinggi kerana, buat beberapa waktu, harga timah kekal di paras yang tinggi, kata beliau.

Beliau seterusnya mengecam Parti DAP yang ingin menjadikan perkara itu sebagai satu lagi skandal.

"Jika DAP mempunyai bukti bahawa terdapat pemimpin atau pegawai kerajaan terlibat dengan rasuah, silalah buat aduan. Jika tuduhan tidak berasas, sila sanggup pula menerima tindak balas," ujarnya.